

Jeanne (dua dari kanan) dan Prof Aini (kanan) turut sama menanam pokok hutan sempena Program Penanaman Pokok UPM-Mitsubishi, baru-baru ini.



[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

Inisiatif pulihara hutan

» Ladang 16 UPM himpun ratusan spesies tumbuhan terancam

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Serdang

Cuaca panas terik mencecah 35 darjah Celsius tidak mematahkan semangat lebih 400 peserta program Penanaman Pokok Universiti Putra Malaysia (UPM) - Mitsubishi Corporation (Mitsubishi) untuk menyempurnakan misi menanam 5,000 anak pokok dalam tempoh dua jam di Ladang 16 UPM, di sini, baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata acara tahunan itu membabitkan 20 spesies tumbuhan hampir terancam terkandung dalam Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN).

Beliau berkata, inisiatif unik itu menjadikan kawasan terabit sebagai satu-satunya lokasi di negara ini yang menghimpunkan spesies tanaman terancam di Semenanjung Malaysia.

Katanya, acara tahunan kali ini istimewa kerana turut menandakan genap 25 tahun kerjasama antara UPM dengan Mitsubishi



Inisiatif UPM menganjurkan program pemuliharaan hutan dengan kerjasama syarikat korporat wajar dicontohi bagi memperbanyakkan kampus hijau di negara ini

Muhamad Zharif Luqman Hashim,
Pelajar Sarjana Polisi
Sumber Asli, UPM

dalam program pemuliharaan hutan menerusi aktiviti penanaman pokok di UPM Kampus Serdang dan Bintulu.

"Program itu berjaya meningkatkan kesedaran dan penghargaan alam sekitar menerusi pembabitkan lebih 10,000 peserta, liputan media tempatan dan antarabangsa termasuk National Geographic Channel serta perkongsian hasil penyelidikan

dalam dua persidangan antara-bangsa," katanya ketika berucap pada program itu.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Landskap Malaysia, Tun Jeanne Abdullah serta Pengurus Besar Mitsubishi Kuala Lumpur, Kenji Ohta.

Prof Aini berkata, lebih 500,000 anak pokok daripada 130 spesies tumbuhan Sarawak serta lebih 25,000 anak pokok daripada spesies tumbuhan Semenanjung Malaysia berjaya ditanam sejak tahun 1991 dengan kawasan penanaman di Sarawak kini menjadi ekosistem yang matang.

Program pemuliharaan hutan
Katanya, pelaksanaan projek itu turut menyumbang kepada kejayaan UPM tersenarai pada kedudukan ke-17 terbaik dalam kalangan 407 universiti seluruh dunia bagi Penarafan Metrik Hijau Universiti Dunia.

Beliau berkata, pelbagai projek penyelidikan juga dijalankan oleh pelajar UPM dan saintis dari Jepun di kawasan penanaman pokok, merangkumi bidang sains tanah, kualiti air, perubahan iklim, hidupan liar, kepelbagaian biologi serta pemantauan kesan hujan asid dan pencemaran air.

Pelajar Sarjana Polisi Sumber Asli UPM, Muhamad Zharif Luqman Hashim, 24, berkata inisiatif UPM menganjurkan program pemuliharaan hutan dengan kerjasama syarikat korporat wajar dicontohi bagi memperbanyakkan kampus hijau di negara ini.

Katanya,

usaha itu juga dapat mengurangkan kesan cuaca panas selain memastikan kelestarian alam sekitar untuk diwarisi generasi akan datang.


"Selain pelajar UPM, penguasaan kanan dan kakitangan Mitsubishi serta sukarelawan dibahagikan kepada 14 kumpulan mengikut nama negeri dan sama-sama merasai cabaran menanam ratusan anak pokok dalam cuaca panas.

"Cabaran itu sekaligus mengingatkan kita mengenai kepentingan tumbuhan dan pemuliharaan hutan bagi mengurangkan kesan cuaca tidak menentu ketika ini," katanya.

Sementara itu, pelajar Sarjana Sains Kimia UPM, Rosyidah Tuan Najwi, 27, berkata pengalaman kali pertama menyertai program menanam pokok secara besar-besaran itu meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

"Penyertaan dalam program ini adalah pengalaman yang segar bagi saya kerana selama ini lebih banyak meluangkan masa dalam makmal.

"Program ini juga satu peringatan bagi saya untuk lebih komited dalam melaksanakan amalan kitar semula sebagai sumbangan kepada pemuliharaan alam sekitar," katanya.



Peserta Program Penanaman Pokok UPM-Mitsubishi gigih menyempurnakan misi penanaman pokok dalam cuaca panas di Ladang 16 UPM, Serdang, Selangor.